

16/06/2003

Menjana kesinambungan perjuangan bangsa Melayu

Datuk Abdul Ghani Othman

KEKUATAN dan daya saing orang Melayu hari ini semakin diuji. Asakan teknologi maklumat, cabaran globalisasi, senario dunia tanpa sempadan, kerisauan terhadap Orde Baru Dunia, ancaman ekstremis agama dan cauvanisme

kaum, telah mengubah cara orang Melayu berfikir, berinteraksi, malah berurusan.

Pada waktu yang sama, orang Melayu sekarang mempunyai aspirasi dan cita

rasa berbeza. Kita tidak lagi bercakap mengenai masyarakat Melayu yang wujud sewaktu Umno mula menapak pada 1946.

Sepanjang 57 tahun itu, orang Melayu hidup dengan pengaruh dan kesan Umno secara langsung atau tidak langsung. Ini realiti yang harus difahami.

Umno dan perjuangannya mesti terus dirasakan dan dilihat relevan dalam abad ini.

Datuk Onn Jaafar telah mencetuskan semangat perpaduan Melayu, menyatukan

Melayu yang terasing, yang terpisah oleh sempadan daerah, taraf dan kedudukan, asal keturunan, budaya dan adat resam.

Pada 1951, Tunku Abdul Rahman menyambungnya dan menyambung perjuangan itu. Bersama pejuang terdahulu, Tunku memenuhi impian, membebaskan negara

daripada belunggu penjajah yang bertapak lebih 450 tahun.

Muncul pula Tun Abdul Razak Hussein untuk mengisi kemerdekaan dengan memulihkan keamanan dan menyusun semula masyarakat, sekali gus memberi orang Melayu kekuatan baru.

Perjuangan ini diteruskan oleh Tun Hussein Onn. Era kedua-dua kepimpinan ini memulakan proses keyakinan orang Melayu untuk bersaing dengan kaum lain di bumi sendiri.

Selepas itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula melonjakkan keyakinan itu kepada tahap yang lebih tinggi. Kita diajar berfikir, dituntut bekerja

keras sebagai sebuah bangsa dalam sebuah negara merdeka.

Kepemimpinannya menyedarkan kita untuk menghargai warisan sejarah dan budaya; untuk membina tamadun yang lebih tinggi. Kini, kita boleh berbangga sebagai orang Melayu, sebagai rakyat Malaysia di peringkat dunia.

Bagaimanapun, apa yang sudah kita capai sehingga hari ini, masih belum mencukupi. Dr Mahathir telah memulakan langkah berani dan kita harus bertanggungjawab meneruskannya hingga mencapai mercu kejayaan.

Kita tidak boleh berbangga dengan sejarah masa lampau saja, sebaliknya melihat masa depan. Kita mesti melengkapkan diri dengan ilmu, kekuatan ekonomi, serta sikap dan semangat juang yang tinggi. Keyakinan baru ini adalah kunci untuk membolehkan kita mampu bersaing dan dengan sesungguhnya hati.

Kelangsungan kehidupan orang Melayu tidak boleh dipertahankan secara kebetulan. Ia bukan sekadar diperkatakan tetapi mesti dirancang dan diusahakan.

Perjuangan ini tetap subur, malah perlu disemarakkan, kerana perjuangan

belum selesai ini adalah perjuangan sepanjang hayat. Ia diperturunkan daripada satu kepimpinan ke satu kepimpinan hingga ke hari ini.

Proses pembaharuan, peralihan, patah tumbuh hilang berganti sentiasa berlaku dalam parti. Umno mengurus perubahan dalam kepimpinan secara teratur, bijaksana dan bermaruah. Inilah amanah dan tanggungjawab kita kepada parti dan negara.

Sokongan padu semua ahli Umno, rakan-rakan dalam Barisan Nasional dan rakyat jelata keseluruhannya mesti dicurahkan bagi menentukan agenda Melayu ini mencapai matlamatnya.

Dalam usaha meraih kejayaan ini, kita mesti berterusan mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Dua tanggungjawab ini dipikul serentak oleh Umno - tanggungjawab mempertahankan perjuangan Melayu dan tanggungjawab mengurus sebuah negara berbilang kaum dan budaya. Dua tanggungjawab itu menuntut keupayaan luar biasa untuk mengimbangi tuntutan yang beraneka, yang sering juga bercanggah antara satu sama lain.

Kita ada pengalamannya apabila kita belajar daripada peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa malang itu menyentak kita daripada kealpaan dan kelalaian.

Lebih penting lagi, kita sedar bahawa kuasa politik Melayu saja tidak cukup.

Keyakinan kita pada rakan-rakan dalam Perikatan ketika itu juga tidak cukup. Cakap-cakap mengenai kedaulatan Melayu saja tidak memadai. Kebanggaan kita terhadap kekuatan budaya dan akar umbi Melayu saja tidak berkesan.

Justeru, Umno merencanakan program kejuruteraan sosial yang paling 'ambitious' dalam sejarah mana-mana bangsa di dunia. Dasar Ekonomi Baru (DEB) kontroversial konsepnya, kontroversial cara pelaksanaannya dan kontroversial juga penerimaannya bagi kaum lain.

Bagaimanapun, dasar kerajaan dan Umno dalam soal ini jelas. Kita tidak berniat merampas milik orang lain atau memiskinkan sesiapa. Kita hanya mahu memastikan kek ekonomi diagih secara adil.

Sekurang-kurangnya kita tidak mahu satu bangsa saja yang menguasai ekonomi. Umno sedar bahawa Tanah Melayu dan kemudian Malaysia bukan negara

satu kaum, satu agama atau satu budaya.

Pada masa yang sama, perpaduan mengalami keretakan di sana-sini kerana percanggahan terhadap beberapa isu. Dalam masyarakat mana sekalipun, percanggahan pendapat tetap wujud pada tahap yang berbeza-beza.

Apa yang perlu dilakukan ialah mencari titik persamaan di kalangan orang

Melayu. Kita perlukan perpaduan dalam pemikiran dan rasa kesatuan dalam hati serta menghormati cita rasa masing-masing.

Fungsi generasi muda tidak boleh diketepikan. Mereka perlu terus dibela

dan dipelihara agar dapat menjadi teras kesinambungan perjuangan Melayu pada masa depan. Perlu dipastikan tidak wujud kelompok anak-anak muda yang

berasa tersisih, terpinggir dan didiskriminasikan.

Lebih-lebih lagi ketika bentuk perhubungan antara negara telah berubah dan menambah sengitnya persaingan di peringkat antarabangsa. Bentuk

geopolitik dunia berubah, gejala keganasan dan campur tangan sesebuah negara ke atas negara yang tidak sebulu dengan mereka, menyebabkan keadaan

tidak menentu berterusan dalam ekonomi dunia.

Menyedari kewujudan cabaran berkenaan, Umno perlu meneruskan perjuangan

menterjemahkan kepentingan Melayu keseluruhannya pada abad ke-21 ini.

Kita

tidak boleh mengelak dalam perjuangan ini dan kita tidak boleh berpatah balik kecuali meneruskannya.

Bermula dengan perjuangan menyatukan orang Melayu, Umno sudah berjaya menentang kolonialisme, mengisi kemerdekaan, mengangkat martabat Melayu ke

peringkat nasional dan kini Umno sedang melahirkan lebih ramai Melayu menjadi 'global player'.

Kesemua ini adalah agenda perjuangan Melayu demi menjaga maruah Melayu.

Ia tidak lari daripada asas perjuangan asal menegakkan agama, bangsa dan tanah air.

Bagi memenuhi agenda ini, kita perlu memastikan supaya tidak ada Melayu

yang tercicir dan terpinggir sama ada di bandar mahupun di luar bandar.

Kita perlu mengukuhkan ekonomi supaya tidak ada Melayu masih dibelenggu

kemiskinan dan rasa rendah diri. Kita tingkatkan pendidikan supaya Melayu

menjadi bangsa berilmu dan berketrampilan.

Persiapan ini merangkumi persiapan material, fizikal dan spiritual. Melayu perlu mengekalkan jati diri melalui bahasa, budaya dan agamanya, dengan berpegang dan berbangga terhadap nilai kemelayuan dan keislaman yang kukuh serta bermakna.

Pendekatan ini juga akan menentukan Melayu dapat meneruskan perjuangannya dengan berpaksikan warisan dan berpandukan wawasan yang ditetapkan. Warisan berpaksikan nilai asas tradisional dan kemelayuan yang

berpandukan nilai keislaman.

Wawasan keislaman ini mestilah diwarnai dengan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi serta kemantapan ekonomi. Keadaan ini pula hendaklah disebatikan dengan ummah yang mempunyai nilai moral dan adab yang tinggi,

kejituan akidah dan kerohanian yang utuh.

Jika kita mampu menjadi 'global player' yang sebenarnya dengan jati diri

kemelayuan yang padu, martabat Melayu ini juga berupaya mengangkat sama martabat Islam. Sehingga ini kita telah pun dilihat sebagai model negara Islam sejati. Justeru, Melayu dan Islam itu sinonim, yang menjadi

benteng

perjuangan Umno.

Maka, orang Melayu mestilah jelas bahawa usaha membina tamadun bangsa telah dirintis oleh Umno dan akan diteruskan oleh Umno.

Tidak ada pilihan kepada orang Melayu melainkan Umno kerana sudah terbukti dalam sejarah sejak selepas penjajahan, Umno satu-satunya wadah perjuangan orang Melayu untuk membina tamadun ini.

Umno tidak pernah menghampakan orang Melayu. Sesungguhnya perjuangan

agenda Melayu ini tidak pernah luntur, apatah lagi luput.
DATUK ABDUL GHANI OTHMAN,
(Sedutan ucapan di Konvensyen Umno Johor, kelmarin)